

KATA HUBUNG

Pilih jawapan yang **paling sesuai** untuk mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

- 1 Guru itu sering dipuji _____ rajin bekerja.
A atau
B jika
C agar
D kerana
 - 2 Haji Shahrul Anuar bukan sahaja pemurah _____ baik hati.
A dan
B tetapi
C manakala
D walaupun
 - 3 Rumainah bersorak terlalu kuat _____ suaranya serak.
A hingga
B tatkala
C setelah
D supaya
 - 4 Pencuri memasuki rumah itu _____ penghuninya sedang tidur nyenyak. A agar
B ketika
C hingga
D setelah
 - 5 Encik Azmeer akan menghadiri mesyuarat di Kuala Lumpur pada minggu hadapan _____ bulan hadapan?
A dan
B lalu
C atau
D maka
-

- 6 Din mengambil surat itu _____ menyerahkannya kepada Rajoo.
- A lalu
 - B agar
 - C maka
 - D kerana
- 7 Charles lulus ujian itu _____ adiknya gagal.
- A dan
 - B serta
 - C tetapi
 - D malahan
- 8 Zamzarina berkata-kata _____ merenung wajah temannya.
- A kerana
 - B sambil
 - C maka
 - D lalu
- 9 Farzana _____ Mei Hua sangat gembira kerana mereka mendapat keputusan yang cemerlang dalam UPSR.
- A dan
 - B lalu
 - C tetapi
 - D walhal
- 10 _____ keluarga Wong tiba, datuknya tiada di rumah.
- A Semasa
 - B Setelah
 - C Supaya
 - D Sementara
- 11 Keluarga Chong Wei mungkin berpindah ke Johor _____ ke Melaka.
- A dan
 - B lalu
 - C atau
 - D agar

- 12 Encik Sulaiman berdoa _____ keluarganya sentiasa sihat.
- A untuk
 - B jikalau
 - C Bahawa
 - D Semoga
- 13 _____ pegawai kastam membuat pemeriksaan, barang seludup itu tiada padanya.
- A Semoga
 - B Sewaktu
 - C Supaya
 - D Setelah
- 14 Encik Lim menebas semak-samun _____ isterinya menyapu sampah.
- A apabila
 - B manakala
 - C walaupun
 - D sedangkan
- 15 Halim tetap dengan pendiriannya untuk berhijrah ke bandar _____ ditentang oleh ibunya.
- A sementara
 - B walaupun
 - C sejak
 - D agar
- 16 Hamid tidak datang ke sekolah _____ minggu lepas.
- A semenjak
 - B sewaktu
 - C kerana
 - D selagi
- 17 Murid-murid diminta beratur _____ menaiki bas.
- A ketika
 - B setelah
 - C semenjak
 - D sementara

- 18 Landskap itu dibina oleh guru-guru, ibu bapa _____ murid-murid sekolah itu.
- A lalu
 - B maka
 - C serta
 - D atau
- 19 _____ menonton drama lucu itu, mereka ketawa berdekah-dekah.
- A Apabila
 - B Kerana
 - C Sambil
 - D Semasa
- 20 Izuddin masuk ke kelas _____ Cikgu Norman sedang mengajar.
- A sementara
 - B malahan
 - C tatkala
 - D sambil